

Kabinet tentukan royalti minyak

BH - 2 SEP 2000

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kabinet sudah membuat keputusan berhubung pembayaran royalti minyak kepada kerajaan negeri Terengganu dalam mesyuaratnya, baru-baru ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim, berkata keputusan Kabinet itu akan diumumkan oleh Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin tidak lama lagi.

"Kajian dari segi peruntukan undang-undang mengenai hak Terengganu (terhadap royalti itu) sudah selesai dibuat dan sudah diserahkan kepada Kabinet. Biarlah Tun Daim sendiri mengumumkan keputusan itu nanti," katanya ketika dihubungi *Berita Harian* hari ini.

Baru-baru ini, Datuk Seri Dr Mahathir 'Mohamad berkata kerajaan akan meneliti hak Terengganu untuk mendapat royalti minyak dan sama ada royalti minyak itu menjadi sebahagian daripada perjanjian dengan kerajaan negeri itu sebelum ini. Malah Perdana Menteri juga pernah mengakui pemberian royalti minyak sebanyak lima peratus kepada Terengganu selama ini adalah satu kesilapan dengan menjelaskan royalti itu diberi dulu kerana ketika itu Kerajaan Pusat percaya Terengganu negeri miskin.

Isu itu timbul berikutan laporan Kerajaan Pusat bersetuju membayar royalti sebanyak RM810 juta kepada Terengganu walaupun kajian terperinci menunjukkan negeri itu tidak

mempunyai sebarang hak ke atasnya.

Jumlah royalti itu diktakan 75 peratus lebih tinggi daripada apa yang diberi ketika negeri itu diperintah kerajaan Barisan Nasional (BN). Tahun lalu Terengganu dibayar RM426 juta.

Kadar royalti lima peratus itu perlu dibayar oleh Petronas kepada kerajaan negeri Terengganu seperti dipersetujui dalam perjanjian ditandatangani Petronas dengan kerajaan negeri itu pada 1975.

Perjanjian dengan kerajaan negeri Terengganu itu berasaskan kepada Akta Pembangunan Petroliam 1974.

Mengenai kenyataan Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat hari ini bahawa Kelantan juga layak menerima royalti minyak dari luar pantai Terengganu sekiranya Kerajaan Pusat bersetuju meluluskan permohonan Pahang dan Perlis, Rais berkata soal minyak adalah hak Kerajaan Pusat.

"Mana-mana kerajaan boleh menuntut. Dibawah peruntukan undang-undang, Kerajaan Pusat berhak ke atas semua pelantar minyak kecuali di Sarawak dan Sabah," katanya.

Sebelum ini, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaacob dan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim turut memohon supaya royalti minyak yang kini diberikan kepada Terengganu turut diagih-agihkan kepada negeri lain, terutama yang miskin.